

Satu langkah lagi ke depan - Najib

PETALING JAYA: “Syukur Alhamdulillah. Hari ini, kita melangkah satu lagi langkah ke depan”.

Demikian hantaran terbaharu yang disiarkan di akaun media sosial rasmi bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Hantaran tersebut dipercayai merujuk kepada keputusan Mahkamah Rayuan memberikan kebenaran kepada Najib yang juga bekas Presiden UMNO, untuk mencabar perintah penahanan di rumah bagi baki hukuman penjara yang dihadapinya.

Terdahulu, media melaporkan, kemenangan berpihak kepada Najib selepas Mahkamah Rayuan membenarkan beliau untuk berbuat demikian.

Dalam keputusan 2-1, Datuk Azhahari Kamal Ramli dan Datuk Seri Mohd. Firuz Jaffril menyokong keputusan itu, manakala Hakim Datuk Azizah Nawawi yang mengetuai panel tiga hakim prosiding semalam menentang penghakiman tersebut.

Menurut keputusan majoriti yang dibacakan oleh Hakim Mohd. Firuz, Najib telah memenuhi prinsip untuk memasukkan bukti baharu pada ke-



MOHD. Nizar (dua, kiri). Mohd. Nazifuddin dan Nooryana Najwa hadir di Mahkamah Rayuan di Putrajaya. bagi mendengar Keputusan rayuan kes bapa mereka.

tika ini.

Tambahan, tiada sebarang bukti untuk mencabar kewujudan atau kesahihan titah adendum itu dikemukakan oleh mana-mana responden.

Keputusan majoriti itu juga membenarkan Najib untuk mencabar perintah itu dan kes dikembalikan ke Mahkamah

Tinggi untuk didengar di hadapan hakim lain.

Pada 3 Julai lalu, Hakim Mahkamah Tinggi menolak permohonan Najib untuk mencabar perintah berhubung adendum itu atas alasan kesemua afidavit yang menyokong permohonan semakan itu adalah ‘dengar-cakap’.